



MUHYIDDIN bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim (kanan) sebelum sidang media selepas Menyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, semalam.

Kemas kini **SOP** banjir

■ **Perkara penting diperbaiki
ketika bencana luar biasa dikenal pasti**

Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@mediaprima.com.my

Putrajaya

Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan mengemaskini Peraturan Tetap Operasi (SOP) Pengendalian Bencana Banjir untuk disesuaikan bagi menghadapi bencana banjir luar biasa.

Sehubungan itu, beberapa perkara penting sudah dikenal pasti untuk diperbaiki dalam peraturan itu yang membabitkan fasa sebelum, semasa dan selepas bencana banjir berlaku.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, antara penambahbaikan adalah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dapat memainkan peranan utama dalam mengatur gerak jentera pengurusan bencana negeri di peringkat daerah, manakala MKN akan menggembleng bantuan di peringkat pusat.

Menurutnya, JPBN dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) juga akan menggembleng pegawai dan anggota daripada agensi kerajaan lain di peringkat negeri serta daerah untuk turut membantu jentera operasi banjir terutama dalam menguruskan pusat pemindahan.

“Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) akan menambah baik model ramalan dan sistem amaran awal banjir dengan melihat kepada perkembangan teknologi yang lebih cang-

gih dan cepat.

“Malah, mereka juga boleh bekerjasama dengan organisasi antarabangsa dan serantau serta memastikan ia (maklumat) dapat disebarkan kepada umum dengan lebih berkesan misalnya amaran melalui sistem siren dan SMS,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat di Bangunan Perdana Putra, di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, perkara lain yang akan diperbaiki adalah memastikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memperhalusi pengurusan di pusat pemindahan, mengenal pasti pusat pemindahan yang boleh menampung lebih ramai mangsa dan melihat semula kemudahan di pusat pemindahan yang boleh memberi keselesaan kepada kumpulan sasar berkeperluan.

Selain itu, JKJ juga diminta mengkaji jumlah pusat simpanan stok bekalan makanan terutama di daerah berisiko banjir, meningkatkan stok bekalan keperluan di stor apabila terdapat jangkaan banjir luar biasa dan memperbaiki sistem penghantaran ke pusat pemindahan.

Di samping itu, katanya, MKN akan mengkaji, memperkemas dan menambah aset pengurusan bencana dalam kalangan agensi penyelamat seperti trak dan bot penyelamat untuk memindahkan mangsa, pesakit serta membekalkan makanan dan keperluan lain ke pusat pemindahan.

